



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**SESI MAKLUMBALAS RAKYAT BERHUBUNG PELAN TINDAKAN
PERPADUAN NEGARA 2021-2025 SEPANJANG BULAN OGOS
HINGGA SEPTEMBER MENYASARKAN PENGLIBATAN 10,000
RAKYAT DI SELURUH NEGARA**

Putrajaya, 22 Ogos 2020 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memulakan **Sesi Maklum Balas Rakyat** berhubung **Draf Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025**.

2. Pelancaran Sesi Maklum Balas Rakyat telah diadakan secara serentak pada hari ini **22 Ogos 2020** di dua (2) buah negeri iaitu di **Melaka dan Perak** dan akan diikuti oleh negeri-negeri lain yang telah ditetapkan seperti di Lampiran 1.

3. Sesi Maklum Balas Rakyat yang bertemakan '**BERFIKIR PERPADUAN BERSAMA RAKYAT**' ini berlangsung dari bulan Ogos hingga September 2020 di seluruh negara hingga ke peringkat daerah.

4. Sesi Maklum Balas Rakyat ini menyasarkan penglibatan 10,000 rakyat di seluruh negara. Ianya bagi memastikan **pandangan seluruh rakyat dan pemegang taruh berkaitan termasuk Ahli Rukun Tetangga, pemimpin tempatan di peringkat daerah dan negeri, pihak Kementerian dan Agensi Kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik, serta pihak berkepentingan lain** diambil kira dalam penggubalan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025** ini yang akan menyokong pelaksanaan **Dasar Perpaduan Negara** mulai tahun 2021.

5. Seluruh rakyat Malaysia **dialu-alukan untuk terlibat dalam pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025** ini dengan:

(i) menyertai sesi maklum balas di negeri dan daerah masing-masing dengan mengemukakan pandangan dan cadangan melalui soalan atas talian di **laman web Sesi Maklum Balas Rakyat** yang telah dibangunkan oleh Kementerian bersama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia serta laman web, media sosial dan email Kementerian seperti di bawah:

- **Laman web Sesi Maklum Balas Rakyat :**

<https://www.research.net/r/mklmbonline>

- **Laman web Kementerian :** www.perpaduan.gov.my

- **Laman media sosial Kementerian:** Instagram @perpaduannegara, Facebook PerpaduanNegara dan Twitter @PerpaduanNegara.

- Pandangan dan cadangan juga boleh dihantar melalui **emel kepada ptpn@perpaduan.gov.my**

(ii) Semakan jadual pelaksanaan Sesi Maklum Balas Rakyat juga boleh di dapati di laman www.perpaduan.gov.my;

Kementerian Perpaduan Negara

22 Ogos 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (22)